

## **Negara Islam : Dasar Pemikiran & Realiti**

© Muhammad Haniff Hassan

Isu negara Islam menjadi satu perkara yang sentiasa dicemburui atau dimomok-momokkan oleh pihak tertentu dari pendokong sekular. Seolah-olah negara Islam ini macam satu konsep yang begitu asing sekali yang akan mengancam keseluruhan sistem kenegaraan yang ada. Slogan '*tegakkan Islam atas runtuhan jahiliyah*' pula memburukkan lagi persepsi ini.

Kertas ini akan cuba menjelaskan kenapa sebahagian umat Islam mempunyai gagasan negara Islam, adakah semestinya gagasan itu mengancam sistem yang ada dan adakah jihad atau kekerasan merupakan wasilah untuk mencapainya?

Tujuannya ialah untuk memberitahu semua pihak, walau pun mereka tidak bersetuju terhadap gagasan ini, namun ia tidak semestinya ditakuti sehingga seluruh usaha mesti dilakukan untuk membasminya kerana dengan konsepsi yang betul, ia boleh dihadapi sebagai satu idea, model atau teori dari pelbagai variasi negara moden dan kontemporari hari ini.

Tambahan pula, umat Islam bukan satu-satunya kelompok yang mempunyai aspirasi politik. Persoalannya mengapakah sering kali aspirasi politik umat Islam sentiasa dihalangi, walau pun dengan mengikut aturan permainan yang ada seperti yang berlaku di Algeria dan Turki?

### **Dasar & Keyakinan**

Pendokong negara Islam bahawa Islam sebagai satu cara hidup pasti meliputi aspek kenegaraan dan politik. Walau pun di dalam Al-Quran dan Sunnah tidak terdapat satu perintah mengenai penegakan sebuah kuasa politik Islam tetapi kuasa menjadi satu keperluan dalam Islam. Antara sebabnya ialah

- a. manusia dicipta di dunia ini untuk menjadi khalifah (Al-Baqarah : 30) yang berperanan untuk memakmurkan bumi Allah taala dengan Islam (Ali-Imran : 85).
- b. terdapat pelbagai syariat dalam Islam yang tidak akan dapat dilaksanakan tanpa kuasa politik seperti undang-undang hudud

Ertinya terdapat hujah-hujah dalam tradisi Islam yang membenarkan idea mengenai negara Islam. Oleh itu, penerimaan terhadap kewujudan Islam sebagai sebahagian dari realiti kehidupan hari ini (Apakah wajar dunia akan mengabaikan sebuah agama yang berpengikut 1 bilion dari penduduk dunia?), haruslah menerima kewujudan gagasan ini di kalangan sebahagian dari mereka.

Adalah diakui bahawa para ulama yang mendokong idea negara Islam berbeza pendapat terhadap konsep negara Islam. Ada yang kekal dengan konsep yang dikemukakan oleh

ulama dahulu seperti sistem kekhalifahan dan Ahlul Halli Wal `Aqdi dengan segala persyaratan dan mekanismenya tanpa pengubahsuaian dengan realiti moden.

Namun ditengah-tengah kepelbagaiannya pandangan para ulama, terdapat kecenderungan untuk berpegang bahawa hakikat negara Islam itu tidak banyak berbeza dengan sistem kenegaraan moden hari ini. Kewujudannya tidak akan meruntuhkan institusi yang sedia ada dan *viable* untuk diperjuangkan dalam sistem yang sedia ada.

### **Tidak Menolak Demokrasi Secara Total**

Apakah dia intipati (*substance*) dan karakteristik demokrasi? Di dalam buku *Introduction to Political Science* oleh Rodee, Anderson, Christol dan Greene, McGraw Hill International Edition, Fourth Edition, 1983, ms 139 ditulis

*“The broadening acceptance of the democratic philosophy led to idealization of the role of public opinion in a representative democracy. According to this idealized view; (1) the public was interested in making the laws of the land; (2) the public was informed (3) it would deliberate and reach rational conclusions; (4) rationally conceived individual opinions would tend to be held uniformly throughout the social order; (5) the public, would make its will known at the polls and elsewhere; (6) the public’s will or at least the views of majority would be enacted into law; and (7) continued surveillance and constant criticism would ensure the maintenance of an enlightened public opinion and consequently a public policy based upon the principles of social morality and justice.”*

Sistem yang mendokong perkara-perkara di atas dalam konteks Singapura ialah (1) sistem pilihanraya umum yang memberi hak kepada rakyat untuk memilih wakil mereka atau pemerintah; (2) pemerintahan yang dipilih (*representative government*); (3) saluran-saluran komunikasi dan konsultasi antara pemerintah / wakil rakyat dan rakyat seperti Unit Maklumbalas, sesi *Meet The People Session, Speakers’ Corner*, media massa yang ‘bebas’; (4) sistem pemerintahan berparlimen dan pembahagian kuasa kepada eksekutif, kehakiman dan legislatif; (5) perlembagaan yang menjamin kebebasan individu atau hak asasi manusia yang asas.

Jika kesemua yang dinyatakan di atas diletakkan dalam penilaian Islam, akan didapati bahawa konsep yang paling dekat kepada demokrasi ialah syura – konsep permesyuaratan – dalam membuat keputusan seperti mana yang dinyatakan oleh Allah taala dalam firmanNya di Ali-Imran : 159 dan Asy-Syura : 38.

Kepentingan syura juga dipertegas oleh perbuatan Rasulullah s.a.w dalam memilih tempat bagi tentera semasa Perang Badr, keputusan untuk keluar dari Madinah bagi melawan musuh di Perang Uhud dan banyak situasi yang dinyatakan dalam sirah.

Dari sudut konsep, yang membezakan syura dan demokrasi hanyalah terletak kepada seberapa luas kuasa rakyat atau manusia bagi membuat keputusan atau undang-undang. Manakala syura dalam Islam hanya dibenarkan dalam perkara yang tidak ada hukum yang *qat’ii* dan tidak bercanggah dengan prinsip yang terkandung Al-Quran dan As-

Sunnah – pengiktirafan terhadap kedaulatan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai ‘perlembagaan’ hidup, sedangkan demokrasi memberi hak mutlak sepenuhnya kepada rakyat atau manusia – apa sahaja boleh diperundangkan jika mendapat persetujuan sekurang-kurangnya majoriti rakyat walau pun bagi membenarkan perkahwinan sejenis.

Adapun dari segi sistem, Al-Quran dan As-Sunnah tidak menetapkan satu sistem yang khusus bagi pelaksanaan syura. Ini bertujuan bagi memberi keanjalan dan kebebasan kepada manusia untuk membangun sistem yang sesuai asal sahaja memenuhi prinsip permesyuaratan, keadilan dan efisyen. Oleh itu, tokoh Islam kontemporari menerima sistem demokrasi berparlimen hari ini sebagai sistem yang sah sebagai alternatif bagi sistem *Ahlul Halli Wal `Aqdi* yang dikemukakan oleh ulama dahulu. Hal ini adalah kerana sistem berparlimen boleh memenuhi keperluan syura dan kerana ia adalah ‘urf (adat) yang telah diterima.

Disebabkan dekatnya demokrasi dan sistem syura, maka demokrasi boleh diterima sebagai sistem yang terbaik untuk dakwah dan memajukan Islam. Hal ini jatuh dalam kaedah ‘*Apa yang tidak dapat dicapai kesemuanya, jangan ditinggal kesemuanya*’. Adapun percanggahan antara demokrasi dan syura, maka sikap yang boleh diamalkan ialah menolak kuasa mutlak manusia tetapi mengakui juga bahawa hakikat ini turut boleh diubah melalui proses demokrasi yang tulen. Dalam Islam, ada kemungkinan yang tidak dapat diubah kecuali apabila seseorang itu berkuasa. Maka begitulah juga kemungkinan ini.

Mereka yang berpegang dengan pandangan di atas dari kalangan pendokong negara Islam berpendapat bahawa komitmen kepada demokrasi diperkuatkan lagi oleh ajaran Islam yang mencela penguasa yang zalim, kuku besi dan diktator sebagaimana yang ditunjukkan oleh Al-Quran mengenai kisah Firaun, Namrud, Ashabul Ukhud dan Ashabul Kahfi.

Tidak dinafikan bahawa perkara yang dinyatakan di atas mempunyai kritikan dari pelbagai pihak dalam Islam. Ini adalah wajar kerana Islam tidak meletakkan satu sistem pemerintahan yang tertentu. Hatta para sahabat sendiri berbeza dalam cara pemilihan khalifah. Apa yang penting ditegakkan di sini ialah pendokong negara Islam bukan satu pendirian yang tidak ada dasar sama sekali dalam Islam. Perkara ini adalah bidang yang diikhtilafkan oleh para ulama yang memerlukansikap saling hormat menghormati dan beriltizam dengan adab ikhtilaf.

Dr Yusuf Al-Qaradhawi dalam bukunya *Fiqh Daulah: Dalam Perspektif Al-Quran dan As-Sunnah* ms 205, menulis, “*Dengan begitu, syura Islam serupa dengan ruh demokrasi atau boleh kau katakan intipati demokrasi serupa dengan ruh syura Islam.*”

### **Menerima Keputusan Permesyuaratan Adalah Mengikat**

Walau pun ulama berbeza pandangan samada keputusan syura mengikat seorang pemimpin atau tidak tetapi konteks hari ini menetapkan bahawa berpegang pada pandangan syura itu mengikat lebih utama kerana ia menjamin *check and balance* dan

mengelakkan kepimpinan yang otokratik. Terutama ditengah masyarakat yang lemah imannya.

### **Menerima Keputusan Majoriti**

Para ulama mengakui bahawa suara ramai mempunyai signifikan dalam menentukan kebenaran. Atas dasar itu, di dalam buku fiqh terdapat banyak ungkapan ‘*ini adalah pandangan jumhur (kebanyakannya) ulama*’ dan berpegang kepada pandangan jumhur ulama lebih utama dari pandangan bukan jumhur.

Dalam perkara yang tidak ada kejelasan hukum, Islam membenarkan keputusan mengenainya diambil berdasarkan suara ramai kerana kemungkinan salah dan menyeleweng adalah kurang. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud, “*Sesungguhnya syaitan itu bersama satu orang, dan dia lebih jauh dari dua orang.*” (*Riwayat Al-Bukhari dan Al-Hakim*).

Selain itu, terdapat ajaran Rasulullah s.a.w yang menganjurkan umat Islam mengikuti *As-Sawadul A`zam* (golongan majoriti di kalangan umat Islam).

Termasuk dalam aspek ini ialah pengambilan keputusan dalam persoalan yang memerlukan ijтиhad melalui proses pengundian kerana Rasulullah s.a.w membuat keputusan melalui proses ‘*qur`ah*’. Jika ‘*qur`ah*’ dibenarkan, maka lebih utama pengundian suara. Apatah lagi menentukan suara majoriti dengan sendirinya memerlukan mekanisme undi.

### **Menerima Keberadaan Pelbagai Kumpulan & Parti**

Dalam persoalan ini, Dr. Yusuf Al-Qaradhawi menulis

“*Tidak ada penghalang dalam syariat tentang keberadaan multi parti politik dalam negara Islam. Sebabnya ialah larangan dalam Islam harus ada nasnya. Sementara itu, tidak ada satu pun tentang hal ini. Bahkan boleh jadi multi parti sangat diperlukan pada zaman sekarang, sebab ia boleh mencegah otokrasi kekuasaan indivisu atau golongan tertentu yang akan diterapkan terhadap manusia*”

Walau bagaimana pun, parti-parti ini haruslah mengakui kesetiaan terhadap negara dan falsafahnya.

Kewujudan pelbagai kumpulan atau parti juga dibenarkan atas konsep menasihati pemerintah atau ‘*amr makruf* dan *nahi munkar*’.

Oleh itu, golongan ini berpendapat tidak perlu bimbang bahawa kononnya negara Islam tidak akan membenarkan *advocate groups* atau parti pembangkang.

Kepelbagaiannya parti dan kumpulan adalah sesuatu yang diterima oleh Islam atas dasar hukum alam yang bersifat pluralisme. Kalau Islam membenarkan kewujudan pelbagai

mazhab fiqh apa halangannya untuk ada pelbagai kumpulan, organisasi dan parti dalam sebuah negara Islam? Tanpa organisasi dan parti yang rasmi pun, manusia secara semula jadi akan kekal dengan kepelbagaian dan keragaman dan akan bersama dengan mereka yang mempunyai persamaan.

Ketika Ali r.a menjadi khalifah dia mengakui kewujudan Khawarij sebagai kumpulan yang membangkangnya.

### **Jalan Yang Perlu Dipilih**

Satu kebimbangan masyarakat bukan Islam ialah berkaitan kaedah yang akan digunakan oleh umat Islam dalam mencapai aspirasi politiknya. Sering kali kaedah itu dikaitkan dengan pedang, jihad dalam erti kata yang sempit, militan dan keganasan.

Dalam hal ini, enam tuggak berikut boleh dijadikan pegangan sebagai panduan bagi pendokong idea negara Islam:

- a. Berpegang dengan cara yang aman dan damai.
- b. Berpegang pada prinsip demokrasi.
- c. Mematuhi undang-undang.
- d. Bersandarkan pada ajaran Islam yang muktabar.
- e. Mengambilkira konteks persekitaran.
- f. Mematuhi dan men hormati hak orang lain.

Pendokong negara Islam perlulah mengetengahkan model Rasulullah s.a.w yang menjadi contoh terbaik. Rasulullah s.a.w dahulu berdakwah dan menyebarkan agama Islam kepada semua pihak. Disebabkan kemampuannya dan tarikan yang ada dalam Islam, ramai penduduk Madinah menerima Islam sehingga meliputi kumpulan majoriti dari penduduk Madinah. Dengan ini, secara lumrah mereka melantik Rasulullah s.a.w menjadi pemimpin mereka.

Demikianlah kuasa politik Islam tertegak di Madinah; melalui perkongsian mengenai Islam dan memenangi keyakinan umum muslim dan bukan muslim, tanpa sedikit pertumpahan darah. Pertempuran hanya berlaku demi menjaga hak penduduk Madinah bagi menentukan nasib mereka sendiri bebas dari pengaruh Mekah. Walau bagaimana pun, apabila pelunag untuk berdamai muncul dengan cepat ia disambut oleh Rasulullah s.a.w melalui Perjanjian Hudaibiyah.

Proses seperti ini tidak jauh dari sebagai proses demokrasi dengan memenangi keyakinan masyarakat dan cara yang aman. Persoalan yang perlu dijawab oleh puak sekular ialah adakah mereka berani untuk menghormati aturan demokrasi sendiri dalam menghadapi arus ‘demokrat’ Islam? Apa pula jawaban mereka terhadap pengkhianatan tentera di Algeria dan Turki terhadap suara rakyat?

Pendokong negara Islam hendaklah mengutamakan proses yang aman kerana:

1. Islam itu dari segi namanya membawa erti kesejahteraan dan aman. Kekerasan pula tidak sejajar dengan nama tersebut.
2. Rasulullah s.a.w diutus untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. Rujuk Al-Anbiya' : 107. Kekerasan tidak sejajar dengan pengertian yang wujud dalam perkataan rahmat.
3. Allah taala memerintahkan Rasulullah s.a.w untuk mengutamakan perdamaian dalam firmanNya yang bermaksud

*“Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka cenderunglah kepadanya dan bertawakkal kepada Allah taala.” ( Al-Anfaal : 61)*

4. Kekerasan tidak sesuai dengan fitrah manusia. Allah taala melarang sifat sedemikian dari Rasulnya dalam firmanNya yang bermaksud

*“Jika engkau kasar dan keras hati, nescaya mereka akan lari dari kau, maka maafkanlah mereka dan pohonkan keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka.” ( Ali-Imran : 159).*

Rasulullah s.a.w juga mengingatkan umatnya dengan peringatan yang sama dalam sabdanya yang bermaksud

*“Berikanlah berita gembira dan jangan menjadikan mereka lari, permudahkanlah dan jangan persulitkan.” (Riwayat Muslim)*

5. Rasulullah s.a.w sentiasa diajar untuk membalas kejahatan dengan kebaikan. Kekerasan pula berlawanan dengan anjuran ini. Allah taala berfirman yang bermaksud

*“Tidak sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah dengan sesuatu yang lebih baik. Sehingga (dia) yang (ada) di antara kamu dan dia, permusuhan (tiba-tiba) menjadi teman yang rapat.” (Fussilat : 34)*

6. Kekerasan banyak menimbulkan kesulitan, kepayahan dan hanya akan menyusahkan diri sendiri. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud

*“Sesungguhnya agama ini mudah dan seseorang itu tidak mempersulitkan agama kecuali dia akan dikalahkan olehnya.”*

7. Rasulullah s.a.w sendiri menegakkan Madinah melalui proses dakwah yang aman.
8. Islam akan lebih mudah tersebar dalam suasana yang aman. Ini terbukti apabila jumlah manusia yang masuk Islam setelah Perjanjian Hudaibiyah sebelumnya (19 tahun setelah perutusan Rasulullah s.a.w).

9. Sejarah juga membuktikan bahawa Islam tetap berpotensi untuk disebar secara aman seperti yang berlaku di kepulauan Melayu dan Cina.

Oleh itu, selama mana ada jalan dan cara yang aman untuk melakukan dakwah, pendokong negara Islam hendaklah mengutamakannya dari apa jua bentuk kekerasan, apatah lagi keganasan.

Walau bagaimana pun, pendirian ini tidak seharusnya menjadikan pendokong negara Islam kelompok yang menolak jihad, samada dalam erti yang luas atau khusus kerana jihad bersenjata adalah sebahagian dari syariat Islam kerana Allah taala berfirman yang bermaksud:

*“Dan perangilah di jalan Allah mereka yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampau.” (Al-Baqarah : 190).*

Islam telah meletakkan jihad di tempat yang mulia sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*“Dan puncaknya (Islam) ialah jihad.” (Riwayat At-Turmuzi).*

Islam juga memuliakan golongan yang sanggup berjihad di jalan Allah dengan cara yang benar. Allah taala berfirman yang bermaksud:

*“Tidak sama orang mukmin yang tidak turut berperang yang tidak mempunyai uzur dengan orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwa mereka atas orang-orang yang duduk satu darjah.” (An-Nisa’ : 95).*

Namun, dalam memilih wasilah perjuangan, pertimbangan yang perlu diambil kira bukanlah hanya pada kemuliaan wasilah sahaja tetapi juga kesesuaianya di pandang dari pelbagai pertimbangan syara’. Pendokong negara Islam juga perlulah menyedari bahawa apabila berbicara mengenai jihad, hendaklah tidak melihatnya dalam erti kata memerangi golongan bukan Islam tetapi menegak keadilan dan membanteras kezaliman. Ertinya, jika negara di mana mereka berada, walaupun bukan sebuah negara Islam, diserang atas sebab yang zalim, maka semangat jihad seharusnya mendorong untuk bersama mempertahankannya. Jika ada mana-mana kaum dizalimi atas dasar perkauman, semangat jihad akan juga mendorong untuk membela mereka.

Pendirian yang seperti ini serupa dengan konsep pertahanan mutlak. Yang mana, pemerintah akan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan apa jua masalah dan konflik melalui saluran yang aman namun akan sentiasa bersedia untuk mempertahankan negara dari serangan luar.

Oleh itu, komitmen pendokong negara Islam kepada wasilah dakwah yang aman dan jihad tidak bercanggah.

Di antara jihad (perang) dan damai, para ulama juga telah mengajar bahawa tidak boleh melakukan sesuatu yang menyebabkan mudarat yang lebih besar atau kemunkaran yang lebih besar dalam menjalankan tanggungjawab dakwah.

### **Berhadapan Dengan Realiti**

Apa yang dinyatakan di atas merupakan sebahagian dari isu-isu penting berkaitan amalan kenegaraan moden hari ini dan kenegaraan Islam. Masih banyak yang belum dapat dicakup kerana keterbatasan ruang. Namun apa yang ingin ditonjolkan di atas ialah dengan kajian yang mendalam dan objektif, boleh dibangunkan gagasan negara Islam yang tidak asing dengan dengan sistem yang ada.

Adapun titik perbezaan, itu adalah lumrah kehidupan dan wajar dalam rangka sistem demokrasi.

Politik hanyalah satu aspek dari pelbagai aspek yang perlu disampaikan mengenai Islam. Dalam keadaan kita mempunyai banyak perkara mengenai Islam yang hendak dicakapkan tetapi mempunyai sumber yang terbatas, maka wajarlah seseorang itu mempunyai keutamaan yang betul ketika ingin menyampaikan Islam kepada umum.

Oleh itu, bercakap mengenai negara Islam dan meletakkan matlamat untuk menegakkannya di Singapura tidak sesuai dengan keutamaan yang ada. Namun menidakkannya atau menghalang sebahagian anggota masyarakat Islam untuk berpegang dengannya adalah tidak realistik.